

TARIKH : 30 JULAI 2021  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14

## Laksanakan langkah konsolidasi, kukuh fiskal

Inisiatif, bantuan ketika pandemik dilakukan tanpa jejas ketahanan kewangan semasa

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan melaksanakan langkah konsolidasi dan pengukuhan kedudukan fiskal selepas ekonomi negara kembali pulih daripada krisis COVID-19.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata ia termasuk meluaskan asas hasil, mengukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai serta meningkatkan kecekapan perbelanjaan bagi mengawal paras defisit fiskal kerajaan.

Beliau berkata, langkah bagi mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan, terutama berkaitan hasil penting dalam memastikan kedudukan kewangan kembali kukuh serta berdaya tahan dalam tempoh sederhana dan panjang.

"Sebelum pandemik COVID-19 melanda negara, kita berada di landasan pengukuhan fiskal yang konsisten sejak negara beralih keluar daripada kri-

sis kewangan global pada 2009.

"Ketika itu, defisit dikurangkan kepada 3.4 peratus daripada 6.7 peratus pada 2019, sebelum meningkat semula kepada 6.2 peratus pada 2020," katanya.

Beliau berkata demikian dalam penerangan mengenai Pakej Bantuan Ekonomi pada Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14, semalam.

Tengku Zafrul yang juga Menteri Penyelaras Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkata, kerajaan akan mengusulkan cadangan pindaan bagi melonggarkan peraturan had hutang untuk menyokong pelan pemulihan ekonomi berdasarkan kemampuan keberhutanngan negara.

Sehingga akhir Jun lalu, katanya, paras hutang statutori mencecah 56.8 peratus, namun masih di bawah had statutori 60 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dibenarkan.

"Dengan ruang fiskal terhad, kerajaan tiada pilihan selain mengoptimumkan sumber pembiayaan sedia ada melalui rasionalisasi perbelanjaan dan peningkatan hasil daripada ekosistem kerajaan.

"Ini termasuk penggunaan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) serta bersedia meningkatkan had siling Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19)," katanya.

Beliau berkata, kesinambun-



Tengku Zafrul pada Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14, semalam.

(Foto BERNAMA)

Langkah bagi mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan, terutama berkaitan hasil penting dalam memastikan kedudukan kewangan kembali kukuh serta berdaya tahan dalam tempoh sederhana dan panjang

**Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz,**  
Menteri Kewangan

ngan PPN akan disusuli dengan usaha pemulihan dan pemerkasaan melalui Belanjawan 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), yang akan dibentang dalam beberapa bulan akan datang.

Walaupun lebih 450 program

dan inisiatif dilaksanakan melalui lapan pakej rangsangan ekonomi serta bantuan dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM530 bilion, Tengku Zafrul berkata, masih ada ruang untuk penambahbaikan.

"Kami akan meneliti segala maklum balas, tuntutan dan permohonan yang diterima untuk dipertimbangkan, terutama dalam merangka Belanjawan 2022.

"Dalam masa kita menangani krisis ini, sebarang inisiatif atau bantuan dilaksanakan dengan tatacara fiskal yang berhemat, tanpa menjejaskan ketahanan kewangan semasa ataupun kedudukan fiskal pada hari akan datang," katanya.

Selain itu, Tengku Zafrul berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara bagi 2021 dijangka mencatat pertumbuhan lebih rendah berbanding anggaran awal antara enam hingga 7.5 peratus.

Beliau berkata, anggaran rasmi mengenainya akan diumumkan

kan bulan depan bersama laporan suku kedua KDNK.

"Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelaksanaan PPN ke atas ekonomi pada separuh pertama tahun ini akan dapat dilihat sepenuhnya," katanya.

Sehingga 30 Jun lalu, katanya, sejumlah RM55 bilion dibelanjakan melalui KWC-19 dan daripada jumlah itu, RM38 bilion dibelanjakan tahun lalu.

Katanya, peruntukan KWC itu dibiayai pinjaman kerajaan dan digunakan untuk perbelanjaan pakej bantuan serta perbelanjaan tambahan bagi menambah baik sektor kesihatan awam dan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

"Peruntukan dalam KWC juga digunakan bagi membiayai program kebajikan rakyat seperti subsidi upah, Geran Khas Prihatin (GKP), Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan sebagainya," katanya.